



OLEH IRFAN KHAIRI

Kesan GST PADA PENIAGA

MEMANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN LAGI. TAHUN INI SEJAK GST DILAKSANAKAN, BERMACAM-MACAM KELUHAN KITA DENGAR. DARI PENIAGA HINGGA PADA PENGGUNA. KEKELIRUAN JUGA MELANDA TERUTAMANYA BAGI SESETENGAH PENIAGA YANG TIDAK TAHU CARA MENGMPLEMENTASIKAN GST. APA YANG PASTI. KOS BERTAMBAH UNTUK PENIAGA DAN HARGA YANG PERLU DIBAYAR BERTAMBAH UNTUK PENGGUNA.

Dalam keadaan ini, pengguna menjadi semakin jimat cermat apabila berbelanja. Peningkatan harga barang pada pengguna bermaksud pertimbangan untuk membeli sesuatu keperluan atau kemahuan dipertimbangkan lagi. Mungkin untuk menjimatkan perbelanjaan, produk yang berharga lebih rendah menjadi pilihan. Mungkin juga pengguna perlu mengawal lagi kemahuan, tidak seperti sebelum ini kerana harga bertambah.

Sebagai peniaga pula, bergantung kepada perniagaan, harga akan bertambah. Impaknya, dapat dilihat dengan pembelian yang mungkin akan berkurangan. Hendak tak hendak, inilah realitinya dan mengeluh tidak akan meningkatkan jualan. Apa yang akan dapat meningkatkan jualan adalah strategi perniagaan dalam menghadapi keadaan harga meningkat dan pembeli semakin memilih dalam belian.

Tingkatkan kualiti perniagaan

Walaupun harga meningkat akibat GST, pengguna hari ini masih mementingkan kualiti. Mungkin segelintir pengguna yang terkesan dengan kenaikan harga akan beralih ke produk atau perkhidmatan lain, tetapi dengan meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan, peniaga dapat menarik pengguna supaya terus membeli walaupun dengan kenaikan harga.

Kualiti juga bukan sahaja dapat menarik pengguna membeli, tetapi ia juga satu

kemestian dalam mendapatkan kepercayaan pengguna berkongsi pengalaman kualiti perniagaan tersebut kepada kenalan dan keluarga. Konsep ini dikenali sebagai promosi mulut ke mulut.

Dengan meningkatkan kualiti bukan sahaja keuntungan jangka pendek dapat diperolehi, tetapi bagaimana serampang dua mata, keuntungan jangka panjang akibat kesetiaan pembeli yang menerima kualiti, serta tambahan promosi percuma untuk peniaga di kalangan bulatan kenalan pembeli.

Percepatkan dan tingkatkan perkhidmatan pelanggan

Semakin hari, masa bakaikan semakin singkat akibat tanggungjawab kerja dan keluarga. Dalam keadaan ramai antara kita sentiasa sibuk, masa menjadi komoditi yang amat penting dalam sehari. Usahawan perlu peka dengan keadaan ini dan perlu menyediakan perkhidmatan yang lebih pantas kepada pelanggan. Antara sebab utama perniagaan menjadi pilihan pada zaman ini adalah perkhidmatan pelanggan yang hebat.

Kenaikan harga untuk peniaga bererti peniaga perlu melakukan lebih daripada apa yang disangkakan oleh pelanggan untuk mendapatkan kepuasan pelanggan. Pelanggan yang berpuas hati pastinya akan sentiasa setia kepada perniagaan tersebut. Apa yang diperlukan adalah untuk beri kesan 'wow' kepada pelanggan yang mendapat pengalaman perkhidmatan yang terbaik dari perniagaan anda.

Pemasaran yang lebih inovasi

Dalam keadaan persaingan yang semakin tinggi dan harga yang meningkat, persaingan pada pemasaran dan pengiklanan

juga menjadi semakin hangat. Pelbagai janji diberikan oleh peniaga-peniaga melalui pengiklanan. Hakikatnya, tidak kira betapa banyak iklan yang terpampang di hadapan kita, kebanyakan iklan adalah kelihatan sama sahaja dengan janji yang sama, ciri-ciri produk yang sama serta manfaat yang sama.

Untuk bersaing dalam keadaan yang meriah dengan persaingan pelbagai industri ini, peniaga perlu lebih berinovasi dalam pemasaran perniagaan. Melakukan perkara yang sama sahaja seperti pesaing lakukan tidak akan menonjolkan perniagaan.

Fikirkan kaedah yang lebih inovatif dalam menarik pelanggan. Ketika harga produk dan perkhidmatan meningkat akibat GST, teknik pemasaran menjadi lebih penting untuk mendapatkan pelanggan tambahan.

Seperti yang dikatakan, mahu tidak mahu, GST sememangnya memberi impak kepada peniaga dan pelanggan. Ada yang mengeluh mengatakan ia masalah. Namun, sebagai usahawan, apa sahaja masalah perlu dilihat sebagai satu peluang untuk menjadikan diri dan perniagaan lebih baik. Mengeluh sahaja tidak akan memberi pulangan apa-apa, tetapi, bertindak dengan bijak pasti akan membawa perniagaan kita ke tahap yang lebih tinggi!



Berikut adalah beberapa langkah yang perlu diambil oleh

Economic - Taxation

Pg : 152 - 153